

# Pindaan Kanun Tanah Negara Bukan rampas tanah rakyat

Oleh **JAILANI HARUN**

**BUTTERWORTH: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menegaskan kerajaan tidak pernah berniat mahu 'merampas' hak rakyat ketika membuat usul meminda Kanun Tanah Negara.**

Beliau berkata, pindaan itu **mengandungi banyak garis panduan baru** yang menepati kehendak rakyat **pada masa ini** dan akan datang **serta** bertujuan mengelak penyelewengan ke atas hakmilik tanah.

Kerajaan **Barisan Nasional (BN)** bukannya penyamun **seperti** yang didakwa oleh DAP. Kerajaan tidak akan sewenang-wenangnya **menggambil alih tanah yang ada**, kecuali untuk kepentingan **nasional**.

**"Langkah ini juga** bertujuan memelihara masa depan golongan **miskin** yang tidak **bertanah** kerana dalam tempoh 10 atau 20 tahun **lagi**, hanya golongan **kaya** dapat memiliki tanah.

Sebab itulah akta itu dipinda **kerana kerajaan** menyedari perlunya rancangan untuk **menyediakan kemudahan perumahan bagi golongan** tidak berada. Dalam berbuat demikian, kerajaan sudah mengambil kira kepentingan ekonomi rakyat berbilang kaum," katanya.

**Perdana Menteri** berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan kilang **Sony Electronics (M) Sdn Bhd** dan **Sony Mechatronic Products (M) Sdn Bhd** di Kawasan **Perindustrian Prai di sini**, semalam. **Turut hadir** ialah Ketua Menteri Pulau **Pinang, Dr Koh Tsu Koon**.

Datuk **Seri Dr Mahathir** berkata, dalam **tempoh 60 tahun lagi**, jumlah penduduk negara ini akan meningkat kepada **70 juta** orang dan **ketika itu, jumlah tanah tidak lagi setara** dengan **kepadatan** penduduk.

**LIHAT MUKA 5**

## Akta jaga kepentingan rakyat

**BARI MUKA MUL 1991**

"Orang **miskin** mungkin menghadapi **masalah tanah** untuk mendirikan rumah dan mencari tempat tinggal baru kerana tidak mampu membeli **tanah yang mahal**. **Sehubungan itu**, kerajaan meminda akta berkenaan **bagi** menjaga kepentingan **semua warganegara**," katanya.

Datuk **Seri Dr Mahathir** juga menyelar DAP kerana membuat tuduhan **membuat tuli** dan palsu mengenai **pindaan Akta Kanun Tanah Negara**.

**"Di Dewan RakSAT baru-baru ini, Lim Kit Siang (Setiausaha Agung DAP)** membuat 10 tuduhan tidak berasas mengenai rasuah dalam kerajaan, tetapi beliau tidak sedikit menyebut skandal **BMF kerana** rakannya turut terbabit," katanya.

Menjawab **soalan** mengenai slogan 'Ambil Duit Barisan dan Undi DAP' yang **digunakan** oleh pembangkang **bagi** pilihanraya **kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Prai**, beliau berkata, BN tidak pernah **memberi** wang kepada pengundi supaya memilih calonnya.

Sambil menyangkal **dakwa-**an DAP bahawa **Barisan Nasional** membelanjakan **S60 juta** untuk **menjamin kemana-**ngannya **di Prai**, **Perdana Menteri** berkata, kerajaan BN perlu menjadi **kaya** terlebih dahulu sebelum berbuat demikian.

**"Mungkin DAP sendiri** berbuat demikian. Sebab itulah dia meraaakan orang lain **juga** berbuat perkara yang **sama**," katanya.